

Tatacara Penahanan Pra Perbicaraan Jenayah Syariah Di Malaysia: Analisis Menurut Pandangan Fuqaha

Sharia Criminal Pre-trial detention procedure in Malaysia: An Analysis from Islamic Jurists Perspective

WAFAA' BINTI YUSOF
ANITA ABDUL RAHIM

ABSTRAK

Penahanan pra perbicaraan jenayah syariah tidak diperuntukkan di bawah undang-undang tatacara jenayah syariah negeri-negeri di Malaysia. Ironinya, penahanan suspek jenayah selepas suatu tangkapan tetap berlaku walaupun pihak berwajib menafikan tindakan tersebut suatu bentuk penahanan sementara. Pelbagai kata perbuatan diguna pakai untuk menafikan yang tindakan mereka itu adalah suatu penahanan. Justifikasi seperti suspek diletakkan di bawah jagaan atau suspek diletak di bawah tanggungjawab atau suspek dibawa ke bahagian penguat kuasa sering diujahkan. Walhal apa jua kata perbuatan diguna pakai, secara amalannya tindakan tersebut adalah merupakan satu penahanan. Oleh yang demikian, kewajaran tatacara penahanan pra perbicaraan di peringkat siasatan dalam kes jenayah syariah perlu dikaji dan diteliti dari perspektif prinsip syariah. Pendekatan fiqh Islam dalam isu ini merupakan langkah terbaik untuk dikemukakan dalam kajian, bersesuaian dengan bidang kuasa tatacara penahanan jenayah yang dimaksudkan. Kajian perundangan yang bersifat kualitatif ini menumpukan kepada beberapa perkara yang menjadi kunci perdebatan para fuqaha dalam menentukan aplikasi penahanan pra perbicaraan. Pencerakinan pendapat para fuqaha menunjukkan wujud kontroversi dalam pelaksanaan tatacara penahanan ini. Namun, keperluan kepada satu mekanisme yang membantu proses siasatan dan pada masa yang sama mengimbangi hak pihak-pihak yang bertikai, menjadikan penahanan pra perbicaraan suatu yang perlu dikuatkuasakan dan dilaksanakan. Justeru, kajian ini menghujahkan penahanan pra perbicaraan tidak menyalahi hukum syarak untuk dilaksanakan di bawah bidang kuasa jenayah syariah negeri-negeri di Malaysia. Prinsip penahanan pra perbicaraan harus diterima pakai sebagai prinsip syariah dan tatacara siasatan yang sah di sisi syariah.

Kata kunci: tatacara penahanan pra perbicaraan, jenayah syariah, lakuna, fiqh Islam.

ABSTRACT

There is no legal provision on the pre-trial detention in Sharia criminal procedure laws of the states in Malaysia. Ironically, the detention remains in force after suspects are arrested though the existence of pre trial detention was denied by the authorities. There are so many terminologies and verbs being used to interpret their act of detaining. The contention that the suspect is taken under custody or is accompanied by the enforcement officer are always justified. In fact, whatever the terms are used, it still an act of detaining. Consequently, it is expedient to review the enforcement of the pre-trial detention at the investigation stage in Sharia criminal cases according to Islamic principles. Islamic jurisprudence approach then, is the most desirable measures to be submitted in accordance with the jurisdiction of the pre trial in question. This legalistic research which is qualitative in nature is concentrated on few issues being the key of debates among the Islamic jurists on the application of the pre-trial detention. The analysis shows that there are controversies among the Islamic jurists on the enforcement of the procedure. However, a need to a mechanism supporting the interrogation process and balancing the rights of the parties in conflict simultaneously makes the pre trial detention enforceable. Thus, the research contended that the enforcement and implementation of the pre trial detention under the Sharia criminal jurisdiction of states in Malaysia is not contradicted to Islamic law. The pre trial detention principle should be acceptable as a Islamic law principle and as a legal investigation in Islamic law.

Keywords: pre-trial detention procedure, crime in Islam, lacuna, Islamic jurisprudence.

PENDAHULUAN

Penahanan pra perbicaraan dikenali juga sebagai penahanan reman. Ia juga diistilahkan sebagai *al-habs al-iḥtiyātī* atau *al-tawqīf al-iḥtiyātī* dan sering diguna pakai serta dikaitkan dengan pelaksanaan siasatan. Penahanan pra perbicaraan menurut al-Sharidiy (2005), merujuk kepada suatu tatacara penyiasatan yang melibatkan suatu perintah dari pihak berkuasa yang kompeten untuk menahan seseorang di suatu tempat tertentu disebabkan jenayah yang telah dilakukan olehnya. Tatacara ini dikuatkuasakan untuk menjamin integriti penyiasatan serta maklumat yang diperolehi sehinggalah sama ada suspek disabitkan atau dibebaskan. Dengan erti lain, tatacara ini diperlukan demi maslahat penyiasatan. Penguatkuasaan penahanan ini menghindari tertuduh dari mengganggu saksi-saksi atau memanipulasikan bukti-bukti. Bahkan ia menghalang tertuduh melarikan diri sementara menunggu keputusan kehakiman diputuskan terhadapnya (Umar 1993).

Penahanan pra perbicaraan merupakan istilah yang tidak pernah wujud dalam bidang kuasa keadilan jenayah syariah negeri-negeri di Malaysia. Ini kerana tiada sebarang peruntukan undang-undang dalam enakmen dan akta tatacara jenayah syariah negeri-negeri yang menyentuh tentang tatacara ini sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593). Namun ini tidak bermakna tatacara penahanan tidak dilaksanakan langsung terhadap suspek jenayah syariah. Malah tatacara ini merupakan antara tatacara awal yang dilaksanakan dalam sesuatu siasatan jenayah syariah sebaik sahaja suspek dikenal pasti. Penahanan reman di bawah Kanun Prosedur Jenayah adalah bertujuan untuk melaksanakan siasatan terhadap orang yang ditangkap (KPJ Seksyen 117). Manakala penahanan pra perbicaraan di bawah perundangan tatacara jenayah syariah kebiasaannya dilaksanakan untuk mendapatkan butiran diri orang kena tangkap atau, suspek gagal untuk mendapatkan dan menyempurnakan jaminan diri atau, suspek menunggu untuk dibicarakan (ETJS Seksyen 19(2)) setelah kes ditangguhkan (ETJS Seksyen 22(5)).

Keperluan kepada penahanan reman dinafikan di bawah bidang kuasa jenayah syariah kerana apa-apa pernyataan yang dibuat oleh suspek jenayah syariah di luar mahkamah termasuklah di hadapan penguat kuasa agama tidak akan diambil kira atau tidak diterima sebagai keterangan dalam perbicaraan mahkamah. Suspek hanya boleh membuat pernyataan berhubung dengan kesalahan jenayah yang dilakukan olehnya di hadapan hakim syarie sahaja (ETJS Seksyen 62). Malahan kebanyakan penguat kuasa agama menegaskan penahanan ini tidak dikuatkuasakan kerana ketiadaan peruntukan berkaitan tatacara tersebut dalam enakmen tatacara jenayah negeri-negeri (Norhisham 2012; Hardi 2013; Sharom 2013; Mohd Hilmi 2013; Siti Norjihan 2014) Namun ternyata di sebalik senario tersebut penahanan pra perbicaraan tetap dilaksanakan dalam keadaan-keadaan tertentu seperti yang dinyatakan sebelum ini.

Ketiadaan pelaksanaan dan penguatkuasaan penahanan pra perbicaraan di bawah bidang kuasa jenayah syariah negeri-negeri ini menimbulkan beberapa persoalan termasuklah persoalan kesahan tatacara ini menurut Islam. Oleh itu, kertas ini cuba untuk mengutarakan beberapa pendapat para fuqaha dan ulama. Analisis dilakukan untuk melihat sejauh manakah tatacara ini diterima atau ditolak dalam Islam.

PENAHANAN PRA PERBICARAAN MENURUT ISLAM

Penguatkuasaan dan pelaksanaan penahanan pra perbicaraan menimbulkan pelbagai kemungkinan dan memerlukan analisis dari pelbagai sudut untuk menilai kewajarannya. Kedudukan penahanan pra perbicaraan dalam tatacara jenayah Islam jelas menampilkan beberapa pandangan yang berbeza dan setiap pandangan ada penghujahannya. Penumpuan diberi kepada beberapa perkara yang menjadi kunci perdebatan para fuqaha dan ulama dalam menentukan aplikasi penahanan pra perbicaraan dalam sistem keadilan jenayah Islam. Antara perkara tersebut ialah:

1. Hak kebebasan bergerak dan bertindak.
2. Anggapan tidak bersalah.
3. Penahanan pra perbicaraan suatu mekanisme penyiasatan.
4. Siasah keadilan.

HAK KEBEBASAN BERGERAK DAN BERTINDAK

Seseorang tidak boleh disekat hak kebebasan bergerak kecuali menurut undang-undang. Persoalannya ialah adakah penahanan pra perbicaraan ini merupakan tindakan yang bertentangan dengan undang-undang? Apakah undang-undang di sini dibatasi dengan hukum syarak sahaja yang berlandaskan al-Quran dan sunnah Rasulullah (s.a.w.) atau undang-undang ciptaan manusia¹ juga diambil kira selagi ia tidak bertentangan dengan hukum syarak yang berkait rapat dengan dasar maslahat di sebalik penguatkuasaan penahanan terhadap suspek dan tertuduh? Jika benar penahanan pra perbicaraan bertentangan dengan syariat Islam, apakah penghujahannya? Manakala jika tatacara penahanan ini dikuatkuasakan atas dasar maslahat, sejauh manakah maslahat tersebut boleh diambil kira? Persoalan-persoalan ini wajar diteliti dan dianalisis setiap jawapannya.

Hujah Golongan Ulama Yang Menolak

Penahanan pra perbicaraan merupakan suatu tatacara jenayah yang penting untuk dilaksanakan tetapi berisiko. Tatacara ini dicemari apabila kebebasan bergerak suspek diganggu dan dicerobohi sebelum disabitkan bersalah oleh mahkamah. Malahan ia dianggap bertentangan dengan prinsip syariah yang memberi setiap individu hak kebebasan untuk bergerak. Ia juga mampu mencetuskan ketidakadilan terhadap orang yang ditahan. Pencabulan terhadap kebebasan bergerak suspek dikatakan berlaku

¹ Contohnya peruntukan Perkara 5(2) Perlembagaan Persekutuan Malaysia menyatakan bahawa "Jika pengaduan dibuat kepada Mahkamah Tinggi atau mana-mana hakim Mahkamah Tinggi menyatakan bahawa seseorang sedang ditahan dengan menyalahi undang-undang, maka mahkamah itu hendaklah menyiasat pengaduan itu dan, melainkan jika mahkamah itu berpuas hati bahawa tahanan itu adalah sah, hendaklah memerintahkan supaya orang itu dibawa ke hadapan mahkamah itu dan melepaskannya"; Perkara 14(2), *International Covenant on Civil and Political Rights (ICCPR)* memperuntukkan bahawa: "Setiap orang yang dituduh dengan kesalahan jenayah hendaklah mempunyai hak untuk dianggap tidak bersalah sehingga dibuktikan bersalah mengikut undang-undang."

apabila mereka ditempatkan di suatu tempat tahanan untuk suatu tempoh tertentu dan berada di bawah kawalan pihak-pihak tertentu. Syariah Islam melindungi hak kebebasan bergerak seseorang sebagaimana firman Allah (S.W.T):

هُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ ذُلُولًا فَأَمْشُوا فِي مَنَاكِبِهَا وَكُلُوا مِن رِّزْقِهِ وَإِلَيْهِ النُّشُورُ

Maksudnya: Dialah yang menjadikan bumi bagi kamu: Mudah digunakan, maka berjalanlah di merata-rata ceruk rantaunya, serta makanlah dari rezeki yang dikurniakan Allah; dan (ingatlah), kepada Allah jualah (tempat kembali kamu sesudah) dibangkitkan hidup semula; (maka hargailah nikmatNya dan takutilah kemurkaanNya) (al-Quran, 29: 15).

Kebanyakan ulama Islam bersetuju bahawa kebebasan bergerak ini tidak boleh dihalang hanya kerana seseorang dituduh bersalah dan ditahan sementara tanpa ada satu hukuman diputuskan di mahkamah terbuka selepas satu perbicaraan yang adil (al-Saleh 1982). Pertuduhan bersalah sebegini tidak memadai untuk menjustifikasikan penahanan suspek yang membentuk sebahagian dari hukuman takzir (Lippman 1989). Abū Yūsuf (1933) contohnya, menegaskan bahawa penahanan merupakan satu bentuk hukuman takzir dan ia tidak boleh dikuatkuasakan sehinggalah terbukti tertuduh bersalah serta diputuskan hukuman ke atasnya. Hak-hak seseorang termasuk hak untuk bebas bergerak, maruah dan reputasinya tidak dinafikan terjejas lebih-lebih lagi jika individu tersebut mempunyai kedudukan yang tinggi dan mulia dalam masyarakat justeru penahanan ini mampu mencemar prestij seseorang, menggugat kedudukan seseorang di mata masyarakat dan sekali gus memberi impak negatif kepada persepsi masyarakat terhadapnya. Oleh itu, penahanan pra perbicaraan umumnya menurut para ulama ini tidak diterima di dalam Islam.

Hujah Golongan Ulama Yang Menerima

Kebebasan manusia untuk bergerak dan bertindak tidak dinafikan merupakan perkara yang paling penting dianjurkan oleh Islam. Allah (S.W.T.) telah menetapkannya sebagai satu hak yang tidak boleh dirampas dan diketepikan melainkan dengan alasan syarie serta disokong oleh bukti-bukti yang diterima syarak. Walaupun tatacara ini merupakan tatacara yang paling berisiko kerana ia menyebabkan berlakunya pencabulan dan perampasan hak kebebasan bergerak, namun ia membentuk sebahagian dari tatacara penyiasatan. Penahanan ini tidak dinafikan menyebabkan satu tindakan agresif terhadap kebebasan individu tetapi pada masa yang sama ia menjustifikasikan kepentingan penyiasatan. Ia melibatkan kebebasan tertuduh dirampas untuk satu jangka masa tertentu sahaja dan ia juga merupakan satu tatacara yang melindungi masyarakat serta kepentingan awam. Isu ini telah ditegaskan oleh Ibn Farḥūn (1958) dan Ibn Qayyim (1961) apabila mereka memperkatakan tentang tempoh penahanan menurut hukum Islam.

Penahanan pra perbicaraan jelas menyebabkan konflik antara dua masalah yang saling bertentangan iaitu masalah individu yang berhak untuk menikmati kebebasannya dan masalah masyarakat awam yang berhak untuk menikmati keamanan dan mencari kebenaran. Prinsip asas penahanan seseorang suspek jenayah adalah untuk mencari kebenaran sesuatu kes yang melibatkan kepentingan serta keselamatan masyarakat (al

Murr 2006; Sa'īd Aḥmad 2008). Tatacara penahanan pra perbicaraan ini bukan sekadar menahan seseorang tanpa tujuan dan motif yang sah di sisi undang-undang. Ia juga bukan suatu bentuk hukuman dan bukan bertujuan untuk menghukum. Hukuman hanya dilaksanakan ke atas pesalah jenayah sedangkan individu yang ditahan pada peringkat pra perbicaraan ialah seorang suspek dan belum dibuktikan bersalah.

Seterusnya, pelaksanaan dan penguatkuasaan tatacara penahanan pra perbicaraan mampu mengekalkan keselamatan dan kesejahteraan awam. Ia menghalang tertuduh dari melarikan diri, menyembunyikan serta memusnahkan bukti-bukti yang menentanginya dan mengancam saksi-saksi. Al-Sarakhsi (1993) contohnya, telah menyarankan suspek yang dituduh berzina dan tidak dikenali dirinya oleh pihak berkuasa, untuk ditahan sehinggalah bukti-bukti yang kukuh dikemukakan. Penahanan ini adalah bertujuan untuk memastikan suspek tidak menghindari dari diadili. Penahanan ini juga mengelak tertuduh dari mengulangi perbuatan jenayahnya (*recidivist*) atau melakukan jenayah yang baru dan melindunginya dari ancaman dendam pihak mangsa (al Murr 2006; Sa'īd Aḥmad 2008).

Kepentingan suspek dan kekuasaan pihak penguat kuasa undang-undang perlu diimbangi bagi memastikan isu pencabulan terhadap hak kebebasan mereka tidak timbul. Beberapa syarat, jaminan dan perlindungan dikuatkuasakan untuk memastikan keseimbangan ini. Antara syarat-syarat tersebut ialah perintah terhadap penahanan tersebut hendaklah dikeluarkan oleh pegawai penguat kuasa undang-undang atau hakim yang berbidang kuasa sebagaimana yang dinyatakan oleh Ibn Farḥūn (1958) dan Ibn Qayyim (1961). Malah Ibn Farḥūn (1958) juga mensyaratkan hanya suspek yang melakukan jenayah berat sahaja ditahan dan al-Māwardī (t.th) pula mensyaratkan wujud keterangan dan bukti yang mencukupi untuk menjustifikasikan penguatkuasaan penahanan ini.

ANGGAPAN TIDAK BERSALAH

Hujah Golongan Ulama Yang Menolak

Prinsip anggapan tidak bersalah yang mencorak kebanyakan sistem keadilan jenayah menyelamatkan suspek dari penguatkuasaan penahanan pra perbicaraan. Setiap individu dianggap bertindak wajar dan jujur sehingga dibuktikan sebaliknya. Kaedah umum dalam fiqh jenayah menyatakan (الأصل براءة الذمة) (al-Suyūṭī 1990) iaitu asalnya seseorang itu adalah tidak bersalah. Seseorang dianggap tidak bersalah sehingga dia disabitkan dengan satu kesalahan jenayah oleh hakim atau mahkamah yang kompeten mengikut kaedah-kaedah keterangan dan proses undang-undang yang wajar. Sabitan jenayah hanya boleh dilakukan selepas satu penghakiman diputuskan sama ada selepas melalui prosiding pendakwa dan perbicaraan atau selepas pengakuan awal tertuduh sebaik sahaja pertuduhan dibaca tanpa diteruskan prosiding perbicaraan.

Berdasarkan prinsip umum ini seseorang yang disyaki melakukan jenayah atau dituduh melakukan jenayah tidak akan ditahan melainkan selepas penghakiman memutuskan sedemikian dan juga satu waran tangkap yang sah dikeluarkan untuk membolehkan perintah penahanan dilaksanakan. Sekadar pertuduhan seseorang itu

masih belum bergelar seorang pesalah sehinggalah bukti dan keterangan tanpa keraguan yang munasabah dikemukakan untuk menyokong pertuduhan tersebut. Oleh itu, penahanan pra perbicaraan suspek atau tertuduh adalah bersalahan dengan hukum jenayah Islam kerana kebiasaannya penahanan ini hanya bersandarkan kepada syak wasangka dan syak wasangka tidak boleh mengetepikan prinsip anggapan tidak bersalah ini. Allah berfirman:

وَمَا لَهُمْ بِهِ مِنْ عِلْمٍ إِنْ يَتَّبِعُونَ إِلَّا الظَّنَّ وَإِنَّ الظَّنَّ لَا يُغْنِي مِنَ الْحَقِّ شَيْئًا

Maksudnya: Sedang mereka tidak mempunyai sebarang pengetahuan mengenainya. Mereka tidak lain hanyalah mengikut sangkaan semata-mata, padahal sesungguhnya sangkaan itu tidak dapat memenuhi kehendak menentukan sesuatu dari kebenaran (ikhtiqad) (al-Quran, 27: 28).

Beban pembuktian setiap kes jenayah diletakkan di bahu orang yang mendakwa dan bukannya suspek atau tertuduh sebagaimana yang dijelaskan oleh prinsip ‘Keterangan atas yang mendakwa dan sumpah atas yang ingkar’ (البينة على المدعي واليمين) (على من أنكر) (al-Zarqā’ 1989). Ia menjadi tanggungjawab pendakwa untuk mensabitkan suspek atau tertuduh dengan kesalahan dan bukannya suspek atau tertuduh yang harus menyediakan bukti menafikan pertuduhan. Suspek dan tertuduh masih terikat di bawah prinsip anggapan tidak bersalah selagi pembuktian dan keterangan yang kukuh dan tanpa keraguan yang munasabah gagal dibuktikan. Menurut ^oAwād, sesetengah fuqaha menganggap apa jua yang menyentuh dengan tidak wajar suatu hak seseorang yang belum dibuktikan bersalah merupakan satu bentuk pencabulan terhadap prinsip anggapan tidak bersalah (^oAwad 1982). ^oAbd Allāh bin Abī Amīr pernah meriwayatkan bahawa ^oUmar ibn al-Khaṭṭāb enggan menahan seorang suspek dalam kes kecurian tanpa sebarang bukti (Ibn Ḥazm t.th).

Prinsip ini sangat penting bila ia menyebabkan satu kesan yang tercerna dalam pembentukan kaedah (الشك يفسر لصالح المتهم) (al-Suyūṭi 1990) iaitu ‘keraguan berpihak kepada tertuduh’. Mahkamah hendaklah mengetepikan bukti-bukti pendakwaan sesuatu kes jika ia meraguinya dan hendaklah memutuskan tertuduh tidak bersalah serta melepaskannya berdasarkan pengaplikasian prinsip umum tersebut. Setiap bukti dan keterangan hendaklah terbina atas keyakinan sedangkan ketidakbersalahan terbina atas syak atau keraguan (Hafez 1998; Sa^oīd al-Aḥmad t.th).

Penahanan yang melibatkan satu tatacara yang menyentuh kebebasan dan hak-hak suspek atau tertuduh ini mampu mendedahkan mereka kepada bahaya kerosakan moral, psikologi dan fizikal, menafikan hak mereka untuk berkomunikasi dengan keluarganya dan menghentikan kehidupan peribadi mereka serta memburukkan reputasi mereka di mata masyarakat. Malahan penyiasat menggunakan penahanan ini untuk memberi tekanan kepada suspek atau tertuduh, mendapatkan pengakuan mereka semasa penahanan dan menyebabkan kesan yang negatif terhadap sabitan di mahkamah. Semua ini adalah bertentangan dengan prinsip anggapan tidak bersalah yang merupakan hak yang dimiliki oleh setiap suspek atau tertuduh sehinggalah diputuskan bersalah oleh mahkamah (Hafez 1998; Sa^oīd al-Aḥmad t.th).

Hujah golongan ulama yang menerima

Pelaksanaan dan penguatkuasaan tatacara penahanan pra perbicaraan tidak menafikan pengaplikasian kaedah *fiqhiyyah* (الأصل براءة الذمة) (al-Zarqā' 1989) dan tidak mungkin menepati prinsip andaian tidak bersalah walau apa jua justifikasi yang diberi. Namun sebilangan fuqaha seperti Ibn Farhūn (1958), al-Māwardī (t.th) dan Abū Ya'ālā berpandangan bahawa tatacara penahanan ini tidak bertentangan dengan prinsip anggapan tidak bersalah. Mereka menganggap prinsip ini hanya satu kaedah pembuktian kes jenayah Islam. Suspek atau tertuduh yang ditahan walaupun tidak boleh dilayan sebagai pesalah, tidak bermakna setiap individu yang ditahan itu tidak bersalah. Hanya sabitan bersalah terhadapnya tidak boleh diputuskan pada peringkat ini. Keseimbangan antara kebebasan peribadi dan kepentingan masyarakat juga boleh menjustifikasikan kesahihan penahanan pra perbicaraan dengan melihat kepada keperluan penguatkuasaannya dan ia boleh dilakukan dengan menyediakan perlindungan yang mencukupi agar tidak disalahgunakan (al-Mursafawī 1954).

Sesetengah fuqaha menurut °Awad (1982), keliru dengan kesan aplikasi prinsip anggapan tidak bersalah dalam undang-undang substantif dan undang-undang prosedur. Fuqaha ini telah berhujah bahawa hak-hak suspek atau tertuduh tersebut tidak boleh disentuh sehingga mereka dibuktikan bersalah. °Awad walau bagaimanapun menegaskan, pengaplikasian prinsip ini tanpa batasan menunjukkan ketidakfahaman tentang syariah dan kegagalan untuk mengekalkan keseimbangan antara hak individu dan masyarakat yang mana akhirnya membawa ketidakadilan kepada pihak-pihak yang terlibat.

Tindakan tanpa batasan ini juga telah dikritik oleh Ibn Taymiyyah (1904) dan Ibn Qayyim (1961) yang menyokong pelaksanaan dan penguatkuasaan penahanan dalam Islam. Mereka mendakwa bahawa tidak ada seorang pun pemerintah yang melepaskan tertuduh selepas bersumpah tanpa menahannya atau mengambil langkah lain yang wajar. Malahan tindakan ini tidak sejajar dengan pendapat Imam dari *al-madhāhib al-arba'ah* dan juga ajaran Rasulullah (s.a.w.).

Penahanan pra perbicaraan justeru itu dianggap satu pengecualian kepada aplikasi prinsip anggapan tidak bersalah. Pada masa yang sama penahanan ini disifatkan sebagai satu tatacara pengecualian yang mengambil kira maslahat orang ramai dan ia mestilah melalui peraturan serta kawalan tertentu untuk menjadikannya bebas daripada ketidakadilan dan ketidakseimbangan antara hak tertuduh dan hak orang ramai (al-Sharidiy 2005). Langkah-langkah pencegahan diperlukan dan penahanan pra perbicaraan ini merupakan langkah pencegahan yang paling serius kerana ia melibatkan perampasan hak kebebasan seseorang. Kebebasan suspek atau tertuduh yang melakukan jenayah dirampas untuk seketika dengan penghantarannya ke tempat penahanan sehinggalah penyiasatan ke atasnya selesai. Penahanan yang melibatkan perampasan hak kebebasan suspek atau tertuduh, pada asalnya merupakan satu bentuk hukuman. Justeru itu ia tidak boleh dikuatkuasakan kecuali dengan perintah dari hakim berdasarkan prinsip 'tidak ada jenayah dan tidak ada hukuman melainkan dengan nas' iaitu (لا جريمة و لا عقوبة إلا بنص) (°Awdah t.th).

Pelaksanaan dan penguatkuasaan tatacara penahanan ini hendaklah melalui organisasi dan kawalan tertentu bagi mengelak berlakunya ketidakadilan dan salah guna kuasa. Kawalan-kawalan yang ditetapkan hendaklah dipatuhi oleh hakim atau penguat kuasa undang-undang apabila mengeluarkan perintah penahanan tersebut. Pada tahap tatacara ini pihak berkuasa hanya perlu mewujudkan kes *prima facie* terhadap tertuduh untuk memungkinkan pendakwaan dan perbicaraan dilakukan (Uk̄az t.th).

Penahanan Pra Perbicaraan Suatu Mekanisme Penyiasatan

Penahanan pra perbicaraan membentuk sebahagian dari tatacara siasatan awal yang khusus dan merupakan salah satu langkah awal untuk melaksanakan siasatan dalam kes jenayah yang melibatkan penahanan suspek atau tertuduh. Tatacara penahanan pra perbicaraan menyusul selepas satu tangkapan yang terhasil dari maklumat yang diterima atau tangkapan berasaskan *flagrante delicto* (Ahmed al-Qadu 2009). Fuqaha Islam walaupun tidak pernah menyatakan keperluan kepada tatacara tangkapan sebelum penahanan dikuatkuasakan tetapi pada masa yang sama mereka tidak menafikannya. Keadaan ini disebabkan perkaitan rapat antara penangkapan dan penahanan. Tanpa penangkapan tiada penahanan (Ashraf 2004). Malahan penahanan ini menurut *fiqh* dianggap sebagai satu tatacara berjaga-jaga terhadap suspek atau tertuduh (Tan̄awī t.th; Sāid al-Aḥmad t.th).

Dengan kata lain, satu mekanisme diperlukan dalam pengendalian orang yang disyaki melakukan jenayah atau tertuduh setelah mereka ditangkap. Mekanisme ini bertujuan untuk mengelak berlakunya tohmahan terhadap suspek, menghalang orang yang benar-benar bersalah dari melarikan diri dan menyekat penyalahgunaan kuasa. Pengabaian kepada perkara-perkara yang dinyatakan tersebut boleh menyebabkan penyebaran jenayah dan penggugatan keamanan. Lazimnya penahanan pra perbicaraan bertindak sebagai satu mekanisme dalam membendung semua perkara sedemikian dari berlaku sehinggalah kebenaran dibuktikan dan keraguan dihapuskan. Perkara ini jelas apabila usaha awal para penguat kuasa undang-undang ini berkuat kuasa sehingga satu kes *prima facie* berjaya dibuktikan terhadap suspek dan diteruskan prosiding pendakwaan dan perbicaraan. Sebaliknya sesuatu kes akan diketepikan dan suspek akan dilepaskan serta dibebaskan jika tiada bukti yang mencukupi untuk mewujudkan satu kes *prima facie* terhadap suspek atau kes *prima facie* gagal dibuktikan berlaku dan tiada lagi tohmahan terhadapnya apabila dia dibebaskan.

Penguatkuasaan mekanisme ini memberi jaminan keselamatan bukan hanya kepada saksi dan orang awam malahan kepada suspek sendiri. Ia juga memastikan proses siasatan berjalan lancar dan hukuman dapat dilaksanakan apabila tertuduh diputuskan bersalah. Suspek kebiasaannya diletakkan di bawah jagaan pihak berkuasa dalam satu tempoh tertentu jika dia mendatangkan bahaya kepada orang awam atau pihak-pihak yang terbabit atau menjejaskan keselamatan penyiasatan yang sedang dilakukan dan jika ditakuti suspek melarikan diri. Penahanan pra perbicaraan ini melibatkan lokasi penahanan yang telah digazet oleh undang-undang dalam suatu tempoh tertentu yang telah ditetapkan oleh undang-undang setelah seseorang dituduh atau disyaki telah

melakukan sesuatu yang bertentangan dengan undang-undang jenayah dan seumpamanya (al-Ahmad 2009).

Ketiadaan penahanan pra perbicaraan setelah satu tangkapan dibuat mungkin boleh menyebabkan suspek terlepas dari genggaman pihak penguat kuasa. Keberadaan suspek mungkin gagal dikesan semula oleh pihak penguat kuasa disebabkan tidak diketahui lokasi dia bersembunyi atau disembunyikan. Tatacara dari awal mungkin terpaksa dilaksanakan dan mengambil masa untuk mengulanginya semula. Keadaan ini merumitkan serta menyebabkan penangguhan proses siasatan dan secara tidak langsung menghalang proses pendakwaan serta perbicaraan kes di mahkamah. Suspek yang bebas ini berpotensi untuk melarikan diri dan memudahkannya untuk mempermainkan bukti serta keterangan terhadap perlakuan jenayahnya. Suspek boleh menyembunyikan atau memusnahkan bukti-bukti yang ada atau memutar belit serta mempengaruhi keterangan saksi dan boleh mengakibatkan penyiasatan dilencongkan dari awal.

Walau bagaimanapun jika penahanan pra perbicaraan perlu dikuatkuasakan, perintah penahanan itu hendaklah setimpal dengan jenayah yang dilakukan iaitu hanya yang melibatkan jenayah berat (Ibn Farhūn 1958) dan juga perlu dijustifikasikan oleh satu tatacara penyiasatan yang selamat dan dibenarkan oleh undang-undang. Kebanyakan undang-undang tatacara jenayah membenarkan penahanan pra perbicaraan kerana sifatnya yang sementara dan hanya bermula dengan satu penyiasatan atau sepanjang tempoh penyiasatan. Ia merupakan satu tatacara berisiko yang perlu dijaga oleh penggubal dan penguat kuasa undang-undang dengan menyediakan jaminan-jaminan dan memastikan ia tidak dilaksanakan kecuali dalam keadaan-keadaan yang perlu sahaja (°Awad 1982).

Apa pun jua, pengaplikasian mekanisme ini perlu dijustifikasikan. Oleh itu, satu kerangka dan disiplin yang khusus diperlukan agar ia tidak dilaksanakan berlebihan sehingga membawa kepada ketidakadilan, tiada toleransi sehingga boleh membawa kepada pelanggaran keselamatan atau pecah keamanan dan tidak bertolak ansur dengan pelaku jenayah. Terdapat dua masalah yang bertentangan dalam pelaksanaan mekanisme ini yang perlu diteliti ketika menjustifikasikan pelaksanaan dan penguatkuasaan penahanan ini. Pertamanya, masalah orang ramai yang dikaitkan dengan hak mereka untuk menikmati keamanan dan hidup dalam aman sentosa dengan penahanan dan pemenjaraan individu yang cuba untuk mengganggu keselamatan mereka. Keduanya, masalah individu yang dikaitkan dengan hak-haknya untuk hidup dengan bebas dari batasan dan kawalan yang dikenakan ke atasnya. Penahanan pra perbicaraan tidak dinafikan menyentuh hak kebebasan seseorang bagi suatu tempoh masa yang ditentukan oleh keperluan penyiasatan dan juga kepentingan masyarakat sebagaimana yang ditetapkan oleh undang-undang. Walaupun demikian ia tidak dianggap sebagai satu pencabulan terhadap hak kebebasan peribadi seseorang jika ia membentuk langkah berjaga-jaga dalam keadaan yang memerlukannya dan justifikasi terhadap penguatkuasaannya jelas dan munasabah (al-Ahmad 2009).

Penahanan pra perbicaraan bukanlah satu hukuman walaupun ia melibatkan penafian terhadap hak kebebasan seseorang. Perintah penahanan pra perbicaraan dikeluarkan oleh hakim dan ia dianggap sebagai satu keputusan kehakiman dan bukannya keputusan pentadbiran (Najm 2000). Namun keputusan kehakiman ini bukan

satu bentuk hukuman kerana hukuman hanya diputuskan oleh mahkamah setelah pendakwaan dikemukakan dan prosiding perbicaraan dilaksanakan. Seseorang tidak akan ditahan melainkan selepas penghakiman memutuskan sedemikian dan juga satu waran tangkap yang sah dikeluarkan untuk membolehkan perintah penahanan dilaksanakan (Najm 2000). Pada masa yang sama jika tidak dilaksanakan penahanan ke atas tertuduh, ditakuti dia akan melarikan diri, sukar untuk dijejaki dan memudahkannya untuk melakukan jenayah dan melanggar undang-undang lagi. Oleh yang demikian wajarlah orang yang dikemukakan pertuduhan melakukan jenayah ditahan reman atau ditahan sementara dengan tujuan untuk mencari kebenaran dan kemudian mengambil keputusan untuk menunjukkan apa yang perlu dituntut. Allah berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهَالَةٍ فَتُصِحُّوا عَلَيَّ مَا فَعَلْتُمْ تَدْمِينٌ

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan (al-Quran 49: 6).

Ayat ini jelas berkaitan satu aplikasi siasatan. Setiap perkara yang dikemukakan dan tidak dipastikan kebenarannya perlulah diselidiki. Pengaplikasian ayat ini menunjukkan kepentingan pelaksanaan siasatan terhadap suatu maklumat yang diterima untuk memastikan kebenaran maklumat tersebut. Langkah-langkah yang wajar perlu diambil untuk melaksanakan siasatan jenayah dengan adil agar tidak berlaku penindasan dan kezaliman kepada pihak-pihak yang terlibat.

SIASAH KEADILAN

Islam mengharuskan penahanan tertuduh dan menganggapnya sebahagian dari siasah keadilan dan urusan kehakiman. Jumhur ulama menegaskan penahanan ini hanya dilaksanakan apabila pertuduhan disokong dan dikukuhkan dengan satu *qarīnah* yang kuat atau jelas tanda-tanda syak dan keraguan ke atas tertuduh atau tertuduh pernah mempunyai sejarah penglibatan dalam jenayah. Kehormatan serta maruah seseorang yang tidak disabitkan bersalah tetap dilindungi. Oleh itu pelaksanaan penahanan hendaklah dikaitkan dengan jenayah yang dilakukan dan juga individu tertuduh itu sendiri. Penahanan hanya boleh dikuatkuasakan jika terdapat keraguan yang kuat dan munasabah, tidak boleh melebihi tempoh yang telah ditetapkan oleh ulama atau undang-undang dan tidak dibenarkan berlaku tekanan atau paksaan (al-Ruwayshad 2009). Manakala kedudukan individu tertuduh diambil kira apabila keraguan tersebut adalah lemah. Tertuduh tidak boleh ditahan jika jelas dia adalah seorang yang baik akhlak dan budi pekertinya atau tidak pernah mempunyai rekod jenayah sebelum ini. Sebaliknya tertuduh yang tidak dikenal pasti keadaan dan kriteria dirinya akan ditahan dengan keraguan yang lemah ini. Penahanan tidak diragui untuk dilaksanakan jika tertuduh sememangnya diketahui dengan kejahatan dan kefasikannya.

Penahanan pra perbicaraan lebih membentuk satu pengecualian kepada peraturan umum dan ditentukan oleh undang-undang yang relevan sahaja. Tindakan dan langkah yang diambil terhadap tertuduh semasa fasa pra perbicaraan hendaklah bersesuaian dengan keseriusan pertuduhan yang dikenakan dan tujuan setiap tindakan yang diambil. Tindakan berbentuk tekanan atau paksaan terhadap tertuduh atau suspek terutamanya hanya dibenarkan jika ada keperluan dan dilakukan sekadar yang perlu sahaja. Penahanan pra perbicaraan oleh itu, tidak bertujuan untuk mendapatkan pengakuan tertuduh. Pengakuan tertuduh dikira terbatal dan tidak diterima jika pelaksanaan penahanan ini bertujuan sedemikian kerana wujud unsur paksaan apabila tertuduh dalam keadaan tertahan pergerakannya sebelum disabitkan bersalah sebagaimana pengakuan yang diperoleh hasil dari kekerasan, tekanan, penyeksaan fizikal atau psikologi dan apa jua pengaruh yang baik atau buruk. Pencabulan hak berlaku dalam situasi ini sedangkan Islam melarang keras perkara tersebut sebagaimana difahami dari sabda Rasulullah (s.a.w.) di bawah:

فَإِنَّ دِمَاءَكُمْ وَأَمْوَالَكُمْ وَأَعْرَاضَكُمْ بَيْنَكُمْ حَرَامٌ كَحُرْمَةِ يَوْمِكُمْ هَذَا

Maksudnya: Sesungguhnya darah kamu, harta kamu dan maruah kamu adalah haram antara kamu sepertimana haramnya hari kamu ini (al Bukhārī 1984).

Malah difahami juga dari kata-kata Sayidina ʿUmar (r.a.) bahawa:

ليس الرجل بأمين على نفسه إذا جوعته أو ضربته أو أوثقته

Maksudnya: Seseorang tidak boleh dipercayai setelah kamu membiarkan dia lapar atau memukulnya atau mengikatnya (Ibn Mājah 1953).

Ibn Qayyim (1961) walau bagaimanapun berpendapat bahawa paksaan dibolehkan terhadap tertuduh yang mempunyai rekod jenayah sebelumnya atau tertuduh yang tidak diketahui keadilannya. Beliau berpegang kepada tindakan Rasulullah yang memerintahkan Ibn Zubayr mendera seorang Yahudi, Kananah bin Rābi^c yang telah menyembunyikan sejumlah harta dalam peristiwa Khaybar (Ibn Hishām 2006) dan Rasulullah (s.a.w.) juga dikatakan pernah menahan seseorang yang dituduh membunuh sehari semalaman untuk diambil keterangannya serta langkah berjaga-jaga (al-Tirmidhī 2007). Walau bagaimanapun, pendapat ini telah disanggah oleh ijmak ulama dan mereka menegaskan bahawa tindakan Rasulullah (s.a.w.) mengarahkan al-Zubayr bin al-ʿAwwām sedemikian atas dasar peperangan di mana orang Yahudi tersebut merupakan seorang musuh yang telah berbohong. Ada beberapa perkara tidak diharuskan melakukannya sebelum ini telah diharuskan ketika dalam peperangan dan ini bermakna perkara yang sama tidak boleh dilakukan ketika dalam keadaan aman (Ibn Hishām 2006).

Sementara tindakan Rasulullah (s.a.w.) yang pernah menahan seseorang sehari semalaman bukanlah bermakna kehormatan manusia boleh diganggu dan dicabuli. Rasulullah (s.a.w.) menahannya bukan untuk mendapatkan pengakuan darinya tetapi untuk mendapatkan bukti-bukti yang mencukupi terhadap perlakuan jenayah tertuduh, untuk kepentingan penyiasatan dalam pengumpulan maklumat dan keterangan, untuk

mengelak tertuduh dari melarikan diri atau mengganggu saksi-saksi atau memusnahkan bukti-bukti yang ada dan untuk menjaga keselamatan tertuduh sendiri.

Penahanan pra percabaran seharusnya menjadi suatu yang terkecuali dan dijustifikasikan oleh alasan-alasan yang meyakinkan seperti pembebasan tertuduh boleh mengganggu penyiasatan atau tertuduh boleh melarikan atau menyembunyikan diri. Menurut al-Ṭūsī, tertuduh tidak harus ditahan sebelum disabitkan bersalah kerana asal manusia itu bebas melainkan jika kemudaratan yang dihadapi lebih teruk berbanding dengan potensi kemudaratan penahanan yang dikuatkuasakan. Oleh itu, penahanan adalah penting dalam keadaan yang memerlukan dan hendaklah ia dikuatkuasakan sekadar yang perlu. *Tuḥfah al-Aḥwadhī* mencatatkan bahawa penahanan orang yang didakwa sebelum dikemukakan keterangan ke atasnya adalah selari dengan hukum syarak (al-Mubārakfurī t.th).

PANDANGAN DAN HUJAH PENULIS SECARA PERIBADI

Berlandaskan kepada perbincangan di atas, penulis cuba merungkaikan kemelut perbincangan berkaitan kebolehterimaan pelaksanaan dan penguatkuasaan tatacara penahanan pra percabaran menurut hukum Islam. Penulis bersetuju bahawa isu penahanan pra percabaran memberi implikasi kepada hak kebebasan bergerak suspek, tidak boleh diketepikan dalam perbincangan untuk menentukan kebolehterimaan tatacara ini dalam Islam. Pendekatan definisi yang dikemukakan oleh para ulama sendiri menunjukkan isu sekatan kebebasan bergerak membentuk sebahagian dari definisi tersebut. Walau bagaimanapun, rangkaian definisi yang dikemukakan kebiasaannya disusuli oleh beberapa ciri yang membatasi sekatan kebebasan bergerak ini. Contohnya, al-Zuḥaylī (2008) telah mendefinisikan penahanan ini sebagai menyekat kebebasan suspek dalam tempoh tertentu dengan kuasa dan cara yang dibenarkan oleh undang-undang berdasarkan kepada kemaslahatan. Definisi ini menunjukkan penahanan pra percabaran hendaklah dikuatkuasakan oleh seseorang yang berbidang kuasa dan hendaklah menurut lunas undang-undang yang ditetapkan. Dengan kata lain, sekatan yang berlaku tidak dianggap sesuatu yang negatif jika ia diaplikasikan menurut batasan-batasan yang ditetapkan.

Sementara pertembungan dua maslahat dalam penguatkuasaan penahanan pra percabaran menurut penulis, mengimbangi keperluan penahanan pra percabaran untuk dilaksanakan. Pertamanya, maslahat individu dan haknya untuk menikmati kebebasan yang diberikan kepadanya tanpa batasan, haknya untuk dijaga kehormatannya tanpa berlaku prejudis dan tanpa menjejaskan peluangnya untuk didengar. Keduanya, maslahat orang ramai dan hak mereka kepada keamanan serta keselamatan hidup dengan cara mengurangkan berleluasa perbuatan jenayah. Pertembungan ini dirungkaikan oleh kaedah *fiqh* yang menyebut:

تقديم المصلحة العامة على المصلحة الخاصة عند التعارض

Maksudnya: Didahulukan maslahat umum dari maslahat khas apabila berlaku pertembungan (al-Suyūṭī 1990).

Malah pepatah Latin ada menyebut *necessitas publica major est quam private* iaitu kepentingan umum lebih penting dari kepentingan individu dan *salus populi suprema est le* iaitu kebajikan orang ramai adalah didahulukan. Pertembungan ini mampu diimbangi dengan kewujudan sekatan, kawalan dan jaminan yang tertentu di mana hak-hak mereka semuanya dijaga selagi mana tidak membawa kepada kezaliman kepada orang lain atau menghapuskan hak-haknya.

Penulis menegaskan bahawa ketetapan hukum dalam isu ini walau bagaimanapun tidak seharusnya diambil secara mutlak sama ada dilarang atau diharuskan. Isu ini harus dikaji dan diamati untuk dikenal pasti kemaslahatan dan kemudaratannya. Hakim dan penguat kuasa undang-undang memikul tanggungjawab memastikan hak kebebasan bergerak pihak-pihak yang terbabit tidak dihalang atau dirampas kecuali dalam keadaan yang dibenarkan oleh hukum syarak. Oleh yang demikian, tatacara penahanan pra perbicaraan hendaklah dilaksanakan dalam batasan yang sempit dan paling minimum disebabkan sekatan terhadap kebebasan seseorang terkeluar dari prinsip asalnya seseorang dianggap tidak bersalah. Malahan tatacara tersebut hendaklah dikawal oleh peraturan khas yang membezakannya dari tatacara-tatacara penyiasatan yang lain berdasarkan kepada kepentingan dan keseriusannya. Pelaksanaannya juga hendaklah merangkumi jaminan-jaminan pemeliharaan dan penjagaan hak individu terutama tertuduh dari penyalahgunaan kuasa atau eksploitasi pihak berkuasa.

Sementara dalam pengaplikasian prinsip andaian tidak bersalah, penulis bersetuju dengan pandangan yang dilontarkan oleh ^oAwad (1982) di mana aplikasi prinsip andaian tidak bersalah memberi kesan yang berbeza dalam undang-undang jenayah substantif dan undang-undang prosedur jenayah. Prinsip ini tidak wajar untuk diaplikasikan secara tegas dalam penguatkuasaan penahanan pra perbicaraan. Pengaplikasiannya perlu mengambil kira kemaslahatan semua pihak yang terlibat.

Penahanan pra perbicaraan tidak dinafikan merupakan suatu mekanisme penyiasatan yang melibatkan pencabulan terhadap kebebasan suspek. Malahan *fiqh* menganggap penahanan ini termasuk di bawah tatacara pencegahan yang dikuatkuasakan terhadap suspek. Sehubungan itu, penulis menegaskan bahawa penggubalan undang-undang untuk memenuhi keperluan penguatkuasaan tatacara jenayah dan pada masa yang sama melindungi kebebasan individu serta menetapkan sempadan dalam tindakan pihak berkuasa diperlukan. Dengan kata lain, penahanan pra perbicaraan suatu yang wajar dilaksanakan dan memerlukan suatu undang-undang untuk mengawal setiap tindakan dalam penguatkuasaan tatacara penahanan ini agar tidak berlaku penyalahgunaan kuasa oleh pihak yang kompeten melaksanakannya.

Pengamatan penulis terhadap kajian-kajian yang telah dibuat berkaitan isu ini dan analisis terhadap beberapa penulisan jelas menunjukkan segelintir cendekiawan Islam masih menolak pelaksanaan dan penguatkuasaan penahanan pra perbicaraan walaupun justifikasi yang dikemukakan oleh pihak yang menerima penahanan ini hampir menepati *fiqh*. Mereka menegaskan pertentangan antara penguatkuasaan penahanan ini dan prinsip andaian tidak bersalah mendapat sokongan yang kuat dari ketetapan kebanyakan perlembagaan negara, piagam-piagam dan konvensyen antarabangsa. Namun tidak semua penolakan tersebut memberi impak yang negatif. Sa'īd al-Aḥmad (2008) dalam kajian beliau mengusulkan penguatkuasaan dan pelaksanaan penahanan

pra perbicaraan wajar diketepikan jika terdapat alternatif lain yang merealisasikan objektif yang dikehendaki dari penahanan tersebut dan mengelak dari kemudaratan. Contohnya, pelaksanaan sistem bon jaminan diri dan harta, penahanan kediaman terhadap dan sistem parol atau pengawasan dari masa ke semasa oleh pegawai yang bertanggungjawab. Walau bagaimanapun, usul tersebut tidak mungkin terpakai kepada semua kategori kes jenayah. Contohnya, kes-kes berat seperti membunuh, menculik, merogol dan merompak kebiasaannya tidak dibenarkan untuk diikat jamin. Justeru itu, penulis berpendapat penguatkuasaan dan pelaksanaan penahanan pra perbicaraan ini masih perlu dipertahankan walaupun alternatif tersebut diterima pakai.

KESIMPULAN

Secara ringkas, penahanan pra perbicaraan merupakan satu penahanan yang melibatkan tempoh masa yang pendek, lokasi yang berlainan dari penjara seperti lokap atau pusat akhlak, dikuatkuasakan sebelum perbicaraan dilaksanakan untuk memutuskan sesuatu hukuman oleh mahkamah yang kompeten. Penahanan ini berbeza dengan bentuk-bentuk penahanan yang lain sama ada dari sudut tempoh masa penahanan, lokasi penahanan, cara penguatkuasaan penahanan dan tujuannya. Contohnya, tujuan penahanan pra perbicaraan ini ialah untuk siasatan terhadap tertuduh di peringkat penguat kuasa undang-undang atau, menunggu pendakwaan serta perbicaraan dilaksanakan dan tertuduh dianggap tidak bersalah lagi. Sementara penahanan yang lain merupakan satu hukuman setelah dibuktikan tertuduh bersalah.

Jelas bahawa penahanan ini menimbulkan banyak kontroversi dalam pelaksanaannya tetapi keperluan kepada suatu mekanisme yang membantu proses siasatan dan pada masa yang sama mengimbangi hak pihak-pihak yang bertikai, menjadikan penahanan pra perbicaraan suatu yang perlu dikuatkuasakan. Tidak timbul dalam perbincangan para fuqaha dan ulama kaitan penafian terhadap penguatkuasaan tatacara penahanan ini dengan kebolehterimaan pernyataan yang dibuat oleh suspek atau tertuduh dalam tempoh penahanan. Walaupun ada peruntukan undang-undang yang menjelaskan perkara tersebut tetapi adakah ketetapan tersebut berdasarkan hukum keterangan Islam? Adakah kedudukan iqrar dan pernyataan yang dibuat oleh suspek atau tertuduh adalah dua perkara yang sama dan memberi implikasi yang sama? Perbincangan ini telah menunjukkan prinsip syariah mengharuskan penguatkuasaan dan pelaksanaan tatacara penahanan suspek pada peringkat pra perbicaraan. Ia tidak menyalahi hukum syarak untuk dilaksanakan di bawah bidang kuasa jenayah syariah negeri-negeri di Malaysia. Justeru itu, penulis menegaskan dan mencadangkan penahanan pra perbicaraan atau penahanan reman dikuatkuasakan dan dilaksanakan di bawah bidang kuasa jenayah syariah negeri-negeri.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

- °Abd-el-Malek al Saleh, Osman. 1982. The right of the individual to personal security in Islam. Dlm. M. Cherif Bassiouni (pnyt.). *The Islamic Criminal Justice System*. New York: Oceana.
- Abū Yūsuf, Ya°qūb bin Ibrāhīm. 1933. *Kitāb al-Kharāj*. 2nded. Cairo: al-Maṭba°ah al-Salafīyyah.
- al-Aḥmad, Aḥmad Sa°ādī Sa°īd. 2008. al-Muttahim dhamanatuḥ wa ḥuqūquḥ fī al-istijwāb wa al-tawqīf “al-ḥabs al-iḥtiyātī” fī qānūn al-ijra°āt al-jazayyāt al-falastīnī dirāsāt muqāranat. Tesis Sarjana. Nablus: Jāmi°ah al-Najāh al-Waṭaniyyah.
- Ashraf Muhammad Hashim. 2004. *Rights of the Suspect and Accused under Islamic and Malaysian Law*. Selangor: International Law Book Services.
- °Awdah, °Abd al-Qādir. 2003. *al-Tashrī° al-Janā°ī al-Islāmī Muqāranan bi al-Qānūn al-Waḍ°ī*. Jil. 1. al-Qāhirah: Maktabah al-Turāth.
- al-Bukhārī. 1993. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Kitāb al-°Ilm, Hadis no.67. Beirut: Dār Ibn Kathīr.
- Hardi Bin Mohamad Sadali, Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Pengurusan Penguatkuasaan. 2013. Tatacara Pra Perbicaraan Jenayah Syariah Terhadap Suspek Kanak-kanak. Temu bual. 17 Julai.
- Ibn Farḥūn. 1958. *Tabsirat al-Ḥukkām fī Uṣūl al-Aqdiyyah wa Manāḥij al-Aḥkām*. Cairo: Maktabah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī.
- Ibn Farrā°, Abū Ya°lā Muḥammad bin Ḥusayn. 1983. *al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah*. Beirut: Dār Kutub °Ilmiyyah
- Ibn Ḥazm, °Alī ibn Muḥammad. 1996. *al-Muḥallā*. Juz 5-Juz 11. Beirut: Dār al-Jīl.
- Ibn Ḥishām. *Sīrah Ibn Ḥishām*. http://www.maaber-new.com/books/Ibn_Hisham.pdf. [07 Julai 2012].
- Ibn Mājah, Muḥammad bin Yazīd. 1953. *Sunan ibn Mājah*. Kitāb al-Ṭalāq, Bāb al-Ṭalāq al-mukrah wa al-nasi, No. 2033. al-Qāhirah: Dār Iḥyā° al-Kutub al-°Arabiyyah.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. 1961. *al-Ṭurūq al-Ḥukmiyyah fī al-Siyāsah al-Shar°iyyah*. Cairo: al-Mu°assasah al-°Arabiyyah li al-Ṭibā°ah wa al-Nashr.
- Ibn Taymiyyah, Aḥmad ibn °Abd al-Ḥalīm. 1904. *al-Siyāsah al-Shar°iyyah fī Islāḥ al-Ra°yi wa al-Ra°iyyah*. Cairo: Maṭba°ah al-Khairiyyah.
- Lippman, Matthew. 1989. Islamic Criminal Law and Procedure: Religious Fundamentalism v. Modern Law. *12 B.C. Int'l & Comp. L. Rev.* 29. <http://lawdigitalcommons.bc.edu/iclr/vol12/iss1/3>.
- M. °Awad, °Awad. 1982. The rights of the accused under Islamic criminal procedure. Dlm. Bassiouni, M. Cherif (pnyt.) *The Islamic Criminal Justice System*. London: Oceana Publications, INC.
- al-Māwardī, °Alī bin Muḥammad. t.th. *al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah*. al-Qāhirah: Dār al-Ḥadīth.
- Mohd Hilmi Bin Saadan, Penolong Pengarah Unit Perancangan & Strategik, Bahagian Pengurusan Penguatkuasaan. 2013. Tatacara Pra Perbicaraan Jenayah Syariah Terhadap Suspek Kanak-kanak. Temu bual. 17 Julai.
- al-Mubārakfurī, Muḥammad °Abd al-Raḥmān ibn °Abd al-Raḥīm. *Tuḥfah al-Aḥwazī bi Sharḥ Jamī° al-Tirmidhī*. Juz. 6. Beirut: Dār al-Kutub al-°Alamiyyah.
- al-Murr, Muḥammad °Abd Allāh Muḥammad. 2006. *al-Ḥabs al-Iḥtiyātī*. al-Iskandariyyah: Dār al-Fikr al-Jāmi°ī.
- al-Mursafawī, Muḥammad °Abd Allāh Muḥammad. 2006. *al-Ḥabs al-Iḥtiyātī*. al-Iskandariyyah: Dār al-Fikr al-Jāmi°ī.
- al-Mursafawī, Ṣādiq Hassan. 1954. *al-Ḥabs al-Iḥtiyātī wa Dhamanu Ḥurriyyat al-Fardi fī al-Tashrī° al-Miṣra*. al-Qāhirah: al-Nashr li al-Jāmiā°t al-Miṣriyyat.
- Najm, Muḥammad Ṣubḥī. 2000. *Qānūn Uṣūlī al-Muḥakamah al-Jazaiyyat*. Jil.1. Kulliyah al-Taḥqīq, al-Jāmi°ah al-Urdūniyyah: Dār al-Thaqāfah li al-Nashr wa al-Tawzī°.
- Norhisham Mohd Idris, Ketua Penguat kuasa Agama Daerah Hulu Langat, Jabatan Agama Islam Hulu Langat. 2012. Tatacara Pra Perbicaraan Jenayah Syariah Terhadap Kanak-kanak. Temu bual. 6 Jun.
- al-Qadu, °Imad Hamed Ahmed, et.al. 2009. *al-Tahqīq al-ibtida°i*. Denmark: Akademi Arab Terbuka.
- al-Ruwayshad, Mus°ab Ayman. 2007. *al-Ḥabs fī al-Sharī°ah wa al-Qānūn*. Kuwait City: Kuwait Institute For Judicial & Legal Studies.

- Sabatai Sabra, Nuzar Raja. 2006. *Aḥkām al-Muttahim fī al-Fiqh al-Islāmī Muqāranah bi al-Qānūn al-Waḍ'ī*. Nablus: Jāmi'ah al-Najāh al-Waṭaniyyah.
- Sa'īd Aḥmad, Aḥmad Sa'ādī. 2008. *al-Muttahim Dhamanatuḥ wa Ḥuqūquḥ fī al-Istijwāb wa al-Tawqīf "al-Habs al-Iḥtiyātī" fī Qānūn al-Ijra'āt al-Jazā'yyat al-Falasḥīnī Dirāsāt Muqāranat*. Nablus: Jāmi'ah al-Najāh al-Waṭaniyyah.
- Sa'īd Ramaḍān, Umar. 1993. *Mabādi' Qānūn al-Ijra'āt al-Janā'iyat*. Juz 1. al-Qāhirah: Dār al-Nahḍah al-^CArabiyyah.
- al-Sarakhsī, Muḥammad bin Aḥmad. 1993. *al-Mabsūṭ*. Beirut: Dār al-Ma'rifah.
- al-Suyūfī, Abd al-Raḥmān bin Abi Bakr Jalāl al-Addīn. 1990. *al-Ashbāh wa al-Nazā'ir*. Jil 1. Dār al-Kutub al-^CIlmiyyah.
- al-Sharidiy, Musa'id bin Hamad bin Abdullah. 1426H. *al-Habs al-iḥtiyātī fī nizām al-ijra'āt al-jazā'iyah dirāsātun muqaranatun*. Tesis Sarjana. Universiti Imam Muhammad bin Saud: Arab Saudi, 1426H. www.imamu.edu.sa/.../الاحتياطي%20الحبس.doc. [20 Jun 2012].
- Sharom Bin Maarof, Penolong Pengarah Unit Siasatan, Bahagian Pengurusan Penguatkuasaan. 2013. *Tatacara Pra Perbicaraan Jenayah Syariah Terhadap Suspek Kanak-kanak*. Temu bual, 17 Julai.
- Siti Norjihani bt. Saleh, Penolong Pengarah Siasatan, Cawangan Siasatan, JAWI. 2014. *Tatacara Pra Perbicaraan Jenayah Syariah Terhadap Suspek Kanak-kanak*. Temu bual. 23 April.
- al-Ṭanṭāwī, Ibrāhīm Hamīd. t.th. *al-Habs al-Iḥtiyātī*. al-Iskandariyah: Dār al-Fikr al-^CArabī.
- al-Tirmidhī, Muḥammad bin Isa. 2007. *Sunan al-Tirmidhī*. Dimashq: Dār Ibn Kathīr.
- Ukāz, Muḥammad Alī. t.th. *al-Habs al-Iḥtiyātī fī Mizān al-Fiqh al-Islāmī*. Damanhur: Kulliyah al-Sharī'ah. <http://www.araphil.com/araphil/showthread> [26 Jun 2012].
- al-Zarqā', Aḥmad bin al-Shaykh Muḥammad. 1989. *Sharḥ al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*. Damsyik: Dār al-Qalam.
- al-Zuḥayli, Muḥammad. 2008. *al-Ijra'āt al-Jinā'iyah al-Shar'iyah*. Jāmi'ah al-Sharqah, al-Sharqah: Imārat al-^CArabiyyah al-Mutaḥaddidah.
- al-Zuḥayli, Wahbah. 2000. *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*. Jil.4. Dimashq: Dār al-Fikr.

Wafaa' Binti Yusof
 wafaa@ukm.edu.my
 Jabatan Syariah
 Fakulti Pengajian Islam
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43650 UKM Bangi
 Selangor
 MALAYSIA

Anita Abdul Rahim
 aar@ukm.edu.my
 Fakulti Undang-undang
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43650 UKM Bangi
 Selangor
 MALAYSIA

Journal of Contemporary Islamic Law

Vol. 1(1) (2016)

Editor-In-Chief

Dr. Mohd Al Adib Samuri

Co-Editor

Dr. Salmi Edawati Yaacob

Senior Editors

Prof. Dr. Abdul Basir Mohamad
Prof. Dr. Mohd Nasran Mohamad
Assoc. Prof. Shofian Ahmad
Assoc. Prof. Zaini Nasohah
Assoc. Prof. Iknor Azli Ibrahim
Assoc. Prof. Zuliza Mohd Kusrin

Chief Managing Editor

Mat Noor Mat Zain

Arabic Copy Editor

Anwar Fakhri

Bahasa Copy Editor

Md. Yazid Ahmad
Mohd Zamro Muda

Editor

Mohammad Zaini Yahaya
Nik Abd. Rahim Nik Abdul Ghani

Journal of Contemporary Islamic Law

Vol. 1(1) (2016)

Published by:

Department of Sharia law,
Faculty of Islamic Studies,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
436500 Bangi, Selangor, Malaysia

Suggested citation style

Author, (2016), Title, Journal of Contemporary Islamic Law, 1(1), pages, <http://www.ukm.my/jcil>

eISSN 0127-788X

This work is licensed under a Creative Commons Attribution-Noncommercial-No Derivative Works 3.0 Unported License

(<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/3.0/>).

You can download an electronic version online. You are free to copy, distribute and transmit the work under the following conditions: Attribution – you must attribute the work in the manner specified by the author or licensor (but not in any way that suggests that they endorse you or your use of the work); Noncommercial – you may not use this work for commercial purposes; No Derivate Works – you may not alter, transform, or build upon this work.